



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | MEDIA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Jumaat, Januari 30, 2015

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A | A+ | EN | RU | AR

**BERITA »**

### UPM LANCAR PROGRAM BERSAMA KOMUNITI PALOH



Oleh: **Basri Bakar**

**PALOH** – Universiti Putra Malaysia (UPM) telah melancarkan Program Science, Technology, Engineering, Mathematic (STEM) dan UPM-Green Fingers bagi mendidik komuniti Paloh terutamanya pelajar sekolah dan belia untuk meminati bidang sains dan pertanian pada 10 Januari lalu.

Program STEM dikendalikan oleh pensyarah daripada Fakulti Sains UPM selama dua tahun akan disertai oleh pelajar-pelajar serta guru-guru daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota Paloh dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Sembrong, Johor.

Sementara itu, program UPM-Green Fingers akan dikendalikan oleh Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) bertujuan untuk memupuk minat komuniti setempat dalam bidang pertanian.



Pihak UCTC turut membuat demonstrasi teknik penanaman sayur-sayuran untuk kegunaan keluarga dengan penggunaan kits yang mudah diselenggarakan.

Menteri Pertahanan Malaysia merangkap Ahli Parlimen Sembrong, Johor Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein merasmikan program tersebut yang turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof. Dr. –Ing. Ir. Renuganth Varatharajoo dan Pegawai Pendidikan Daerah Klang, A. Manaf Muslimin pada Karnival Permuafakatan Belia Paloh 2015 baru-baru ini.

